



Headline: RM138,900 lesap diperdaya Macau Scam  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 4 August 2022

Language: Malay  
Section: Mahkamah&Jenayah  
Page: 14

# RM138,900 lesap diperdaya *Macau Scam*

Lelaki ditipu anggota sindiket menyamar pegawai LHDN, polis

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL  
KUALA LUMPUR

**W**ang simpanan RM138,900 milik seorang lelaki lesap selepas terpedaya dengan sindiket penipuan *Macau Scam* yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan polis.

Lelaki berusia 20-an yang enggan dikenali itu berkata, kehilangan sebanyak RM98,900 miliknya yang disimpan dalam akaun Tabung Haji dan RM40,000 dalam akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB).

"Saya telah menerima panggilan pada jam 11 pagi, 19 Julai lalu daripada individu yang mendakwa dari LHDN yang menyatakan saya ada tunggakan cukai.

"Saya telah menafikan perkara itu, namun individu berkenaan mendakwa maklumat peribadi saya telah disalah guna," katanya pada sidang akhbar bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semambu,



Mangsa penipuan *Macau Scam* (dua dari kiri) dalam sidang akhbar bersama Chean Chung di Kuala Lumpur, pada Rabu.

Lee Chean Chung di Ibu Pejabat Parti Keadilan Rakyat (PKR) di sini pada Rabu.

Menurut mangsa, panggilan itu kemudian disambung kepada individu yang kononnya anggota polis dari Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Kuala Terengganu.

"Lelaki itu mengarahkan saya untuk pergi ke lokasi yang sunyi kononnya mahu membuat laporan dan ingin merakamkan panggilan telefon yang memakan masa hampir tiga jam.

"Individu tersebut memaklumkan akan membuat semakan, sebelum mendakwa saya terlibat dengan aktiviti jenayah pengubahan wang haram serta penyeludupan dadah," katanya.

Lelaki itu berkata, dia turut diarah

supaya membeli telefon bimbit baharu dan memuat turun satu aplikasi.

"Saya diminta untuk isi semua maklumat bank akaun dalam aplikasi tersebut kononnya untuk diaudit oleh Bank Negara Malaysia.

"Saya kemudian membuat laporan polis di Balai Polis Taman Melawati pada 25 Julai lalu selepas menyedari wang dalam akaun Tabung Haji dan ASB lesap," ujarinya.

Sementara itu, Chean Chung berkata, pihaknya memandang serius atas kelemahan yang wujud pada keselamatan sistem perbankan.

"Tabung Haji diharap dapat mengemaskan sistem keselamatan kerana pencarum berharap simpanan mereka diuruskan dengan cekap dan selamat," ujarinya.